

DASAR KEMAMPANAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

CONVEX MALAYSIA SDN BHD selaku wakil pengurusan untuk KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE menawarkan perkhidmatan pengurusan mesyuarat, insentif, konvensyen dan acara kepada pelanggan dari Malaysia mahupun luar negara.

Objektif CONVEX MALAYSIA SDN BHD adalah bagi membantu mengekalkan kemampuan jangka masa panjang industri pelancongan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam menyediakan perkhidmatan yang mengkhususkan sektor ini yang mana menggalak para peserta tempatan dan antarabangsa melawat Pusat Konvensyen kami terdapat beberapa faktor yang boleh menimbulkan kesan kepada alam sekitar dan juga dari segi sosial. Disamping itu aktiviti-aktiviti kami juga mendedahkan orang awam, pekerja, pembekal dan kontraktor kami kepada risiko-risiko kesihatan dan keselamatan yang disebabkan bahaya – bahaya fizikal, biologi, kimia dan lain-lain di tempat kerja kami dan melalui makanan yang kami sediakan.

Dasar kami adalah untuk mengenal pasti aktiviti – aktiviti dan perkhidmatan yang berpotensi untuk menyebabkan kesan signifikan kepada alam sekitar dan faktor sosial dan juga menyenaraikan bahaya-bahaya serta risiko yang akan dihadapi oleh orang awam, pekerja, pembekal dan kontraktor dan menghapuskan atau mengurangkan risiko itu setakat yang praktik melalui rawatan atau cara lain.

Dalam usaha mencapai kemampuan, ia bermula dengan komitmen untuk mematuhi di mana praktik melebihi undang-undang dan peraturan alam sekitar, keselamatan makanan, perundangan am dan keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia dan lain-lain kehendak yang berkaitan yang ditetapkan oleh undang-undang Malaysia. Keperluan ini berkaitan dengan aktiviti, aspek alam sekitar dan sosial, risiko keselamatan dan kesihatan termasuk yang ditentukan oleh pelanggan kami dan/atau kami sendiri.


Secara keseluruhannya objektif kami adalah untuk mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar serta meningkatkan mutu alam sekitar, sosial, keselamatan dan kesihatan para pekerja. Kami akan menetapkan objektif dan sasaran yang boleh dinilai untuk meningkatkan prestasi kami dari segi alam sekitar dan faktor sosial yang berkaitan dengan kesan yang signifikan dalam menggunakan program EarthCheck di mana ia memerlukan penetapan piawaian prestasi yang tetap serta menasaskan penghapusan kejadian yang mengakibatkan penyakit atau kecederaan melibatkan kerja. Kami juga komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pencegahan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan dan kesihatan yang sesuai dengan tujuan, saiz dan konteks Convex dan berkaitan dengan risiko dan peluang keselamatan dan kesihatan kami.

Pertimbangan khusus akan diberikan kepada menggaji dan memberdayakan pekerja tempatan, dan di mana mungkin, produk dan perkhidmatan mampan boleh diperolehi dari sumber tempatan mengikut prinsip "Fair Trade".

Ia menjadi dasar kami untuk menerbitkan keputusan laporan penilaian tahunan dan dasar kemampuan persekitaran dan sosial melalui jaringan komunikasi yang efektif dengan tetamu, pekerja, pembekal, kontraktor, komuniti tempatan dan lain-lain pihak yang berkaitan. Kami juga menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam program – program kami yang berasaskan alam sekitar dan sosial bagi membantu kemampuan jangka masa panjang industri pelancongan.

Pelanggan, pekerja, pembekal dan kontraktor digalakkan untuk membaca dan memahami serta mengekalkan kandungan dasar organisasi kami dan menyampaikan maklumat ini kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan aktiviti dan perkhidmatan yang kami sediakan. Kami juga komited untuk mengadakan rundingan dengan pekerja kami, dan menggalakkan penyertaan pekerja kami dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan.

Dasar ini dan prestasi kami dari segi alam sekitar serta keselamatan dan kesihatan pekerja kami akan dikaji semula dan diubah semula dari masa ke semasa untuk mencerminkan komitmen berterusan kami.



ALAN MARK PRYOR
Pengurus Besar
Tarikh: 15/08/2018